

# Anggota UMNO matang – Dr. M



**PETALING JAYA** 12 Ogos – Anggota UMNO matang menilai antara yang baik dan yang buruk sejajar dengan perjuangan parti untuk membela nasib bangsa, agama dan negara, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**).

Katanya, mereka juga harus tahu ke arah mana pemimpin mereka membawa mereka.

Sejarah parti membuktikan bahawa UMNO tetap kukuh dan kuat walaupun mengalami pertukaran kepimpinan kerana anggotanya berpegang kepada prinsip perjuangan untuk memartabatkan bangsa, agama dan negara dan bukan untuk mempertahankan pemimpin tertentu sungguhpun pemimpin itu membuat jasa besar kepada parti, katanya.

Ketika berucap pada majlis 'Jasamu

*UM-13/8/2006*  
Dikenang' anjuran Pemuda UMNO Petaling Jaya Utara di sini, Dr. Mahathir berkata pemergian seseorang pemimpin itu tidak sama sekali menghancurkan UMNO selagi anggotanya berpegang teguh kepada perlembagaan serta matlamat sebenar perjuangan parti.

Sebagai contoh, katanya Allahyarham Datuk Onn Jaafar merupakan pengasas UMNO dan sangat berjasa kepada parti tetapi apabila beliau mencadangkan agar UMNO dibuka kepada bangsa lain, anggota UMNO menolak kepimpinannya lalu digantikan dengan Almarhum Tunku Abdul Rahman.

Begitu juga apabila Almarhum Tunku Abdul Rahman gagal memperjuangkan nasib Melayu, beliau sedar kepimpinannya tidak disenangi oleh

◀ **UMNO tetap kukuh dan kuat walaupun mengalami pertukaran kepimpinan kerana anggotanya berpegang kepada prinsip perjuangan untuk memartabatkan bangsa, agama dan negara**

– Dr. Mahathir Mohamad

anggota parti lalu menyerahkan kepimpinan UMNO kepada Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

"Oleh itu UMNO adalah untuk memperjuangkan bangsa, agama dan negara dan bukan individu atau pemimpin tertentu.

"UMNO bukan untuk Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Tun Hussein Onn atau saya

sendiri tetapi adalah untuk orang Melayu, agama Islam dan negara Malaysia," katanya.

Dr. Mahathir berkata ketika beliau menjadi presiden parti, UMNO juga pernah melalui banyak cabaran yang hebat tetapi atas dasar perjuangan yang suci, segala cabaran telah dapat dilalui dan UMNO kembali kukuh.

– Bernama